

Unsur Kesalingfahaman dan Ketidaksalingfahaman antara Dialek Kedah dan Dialek Melayu Sarawak

Mutual and Non-mutual Intelligibility between Kedah Malay Dialect and Sarawak Malay Dialect

Monaliza Sarbini-Zin¹, Najwa Abdull Manan², Haikal Hammaad Zin³

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bagi tujuan mengenal pasti kata-kata yang mempunyai unsur kesalingfahaman serta unsur ketidaksalingfahaman di antara dialek Kedah dan dialek Melayu Sarawak. Kesalingfahaman atau juga dikenali sebagai kebolehfahaman ialah satu fenomena antara bahasa atau dialek di mana penutur bahasa atau dialek yang berbeza namun berkaitan, boleh saling memahami antara satu sama lain tanpa kebiasaan sebelumnya atau tanpa sebarang usaha yang berlebihan. Dalam erti kata lain, penutur dua jenis bahasa yang berkaitan atau dialek yang berbeza dapat memahami antara satu sama lain dengan mudah; hubungan seperti ini dalam komunikasi antara bahasa atau dialek dikenali sebagai kesalingfahaman. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah temu bual mengenai topik perbualan harian. Pengkaji telah berbual menggunakan dialek Kedah manakala informan pula bertutur menggunakan dialek Melayu Sarawak. Hasil temu bual kemudiannya dianalisis dan pengkaji mendapati bahawa terdapat beberapa kata yang mempunyai unsur kesalingfahaman dan juga unsur ketidaksalingfahaman di antara kedua dialek tersebut. Berdasarkan kajian ini dua puluh patah perkataan yang mengandungi unsur saling dan ketidaksalingfahaman antara dialek Kedah dan dialek Melayu Sarawak dihurai dan dibincangkan.

Kata Kunci: Kesalingfahaman, ketidaksalingfahaman, dialek, Melayu Sarawak, Melayu Kedah.

ABSTRACT

This study is conducted with the purpose of identifying words that are mutually and not mutually intelligible between two Malay dialects which are Kedah Malay dialect and Sarawak Malay dialect. Mutual intelligibility is a phenomenon between languages or dialects in which speakers of different but related varieties can mutually understand each other even without having prior familiarity or putting in special effort. In other words, the communication between speakers of two different related varieties can easily understand each other; such a relationship in communication between languages or dialects is known as mutual intelligibility. This study is conducted using the interview method which centered on daily life topic. The researcher interacts in Kedah Malay dialect while the

¹ Monaliza Sarbini-Zin, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, szmonaliza@unimas.my

² Najwa Abdull Manan, Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak, najwaabdmanan.97.nam@gmail.com

³ Haikal Hammaad Zin, Akadmeik Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara Samarahann, haikalhammaadzin@uitm.edu.my.

informant speaks Sarawak Malay dialect. Data from interview are analysed and the researchers found that there are a few words that are different but are mutually intelligible and there are also words that cause some misunderstanding between the two speakers. From this study, twenty words that are mutually and not mutually intelligible between Kedah Malay dialect and Sarawak Malay dialect are described and discussed.

Keywords: *Mutual intelligibility, non-mutual intelligibility, dialect, Sarawak Malay, Kedah Malay*

Pengenalan

Dialek merupakan kepelbagaian bahasa yang dituturkan oleh sesebuah komuniti masyarakat (Abdul Hamid Mahmood, 1993). Dialek mempunyai bentuk-bentuk yang tersendiri yang dituturkan bergantung kepada kawasan diduduki oleh sesuatu komuniti itu, dan bergantung kepada sebutan, tatabahasa, dan penggunaan kata-kata yang dipilih sebagai penggunaan harian dialek tersebut. Menurut Halliday (1968), bahasa dapat dikategorikan kepada dua kategori, iaitu pengguna dan penggunaan. Variasi bahasa wujud akibat penggunaannya menurut variasi kata yang dipilih pada situasi-situasi tertentu. Perbezaan dialek ini didorong oleh beberapa faktor, antaranya faktor geografi, politik, penjajahan, perdagangan, dan masa (Abdul Hamid Mahmood, 1993). Dialek geografi, melihat kepada sejarah perkembangan sesuatu bahasa, jumlah penduduk dalam penempatan bahasa tersebut serta luas daerah yang menyebarkan dialek tersebut (Nik Safiah Karim, 1988). Kajian dialek geografi juga merupakan kajian yang dijalankan secara sistematik bagi mengenalpasti perbezaan-perbezaan yang dapat dihubungkan dengan daerah-daerah penggunaannya (Farid M. Onn & Ajid Che Kob, 1993). Menurut Asmah Hj Omar (2008) pula, dialek geografi merupakan sejarah kepada punca bahasa-bahasa berkembang secara tersendiri atau secara berkaitan dengan dialek-dialek yang wujud dalam bahasa tersebut. Namun, atas faktor geografi juga perkembangan bahasa meluas dan penyebaran bahasa merentasi kawasan – daerah, bahagian, wilayah mahupun negeri – kata-kata boleh berubah dari aspek semantik dan fonetik.

Dalam kajian ini, yang merupakan perbezaan dialek yang didorong faktor geografi mengkaji elemen-elemen perubahan kata dari segi makna dan penggunaannya dalam konteks komunikasi yang dapat ditonjolkan apabila dibandingkan dua dialek bahasa Melayu iaitu dialek Kedah (DK) dan dialek Melayu Sarawak (DMS). Khususnya, jelas dalam konteks-konteks tertentu, kata-kata yang sama bunyinya (homonim) tetapi lain maknanya boleh mewujudkan situasi ketidaksalingfahaman di antara penutur. Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti unsur kesalingfahaman dan ketidaksalingfahaman yang terdapat dalam dialek yang dikaji. Kajian ini meneliti unsur-unsur tersebut yang terdapat diantara dialek Kedah dan dialek Melayu Sarawak melalui kajian yang mempunyai objektif berikut:

- (i) Menenalpasti kata-kata yang berlainan di antara dialek Kedah dan dialek Melayu Sarawak tetapi berunsur kesalingfahaman.
- (ii) Menenalpasti kata-kata yang berlainan di antara dalam dialek Kedah dan dialek Melayu Sarawak tetapi berunsur ketidaksalingfahaman.

Dialek Kedah dan dialek Melayu Sarawak

Dialek Kedah, atau dikenali sebagai Bahasa Melayu Kedah merupakan sebuah dialek yang dituturkan oleh masyarakat yang tinggal di utara Semenanjung Malaysia iaitu di Kedah. Dialek Kedah mempunyai pola yang sama dengan dialek-dialek yang dituturkan negeri-negeri utara Malaysia di negeri-negeri yang terletak di utara Semenanjung Malaysia seperti Perak, Perlis, dan Pulau Pinang. Dialek ini turut mempengaruhi kawasan di luar negara Malaysia iaitu di selatan Thailand dan di selatan wilayah Tanintharyi di selatan Myanmar (Menurut Asmah Hj Omar, 2008). Dialek Kedah secara umumnya boleh dibahagikan kepada tiga jenis subdialek atau variasi iaitu dialek Kedah Timur (hulu), dialek Kedah Selatan (hilir) dan dialek Kedah Utara (hilir) (Ibn Jawi, 2019). Dialek Kedah Timur atau hulu menurut Ibn Jawi (2019) lebih tepat dikenali sebagai dialek Reman yang merupakan sejenis dialek yang turut dituturkan oleh masyarakat Reman iaitu sebuah kerajaan di selatan Thailand. Dialek ini merangkumi kawasan Padang Terap, Kuala Nerang, Sik, Baling, sebahagian kecil kawasan Pokok Sena dan Kubang Pasu. Manakala dialek Kedah Selatan pula lebih mirip kepada dialek Kedah Utara. Perbezaan kedua dialek ini terletak pada nada dan intonasi serta lenggok sebutan. Dialek Kedah Selatan merangkumi kawasan Sungai Petani, Kulim-Bandar Baharu, Padang Serai, Merbok dan sebahagian kawasan Jerai manakala dialek Kedah Utara pula dituturkan oleh masyarakat di kawasan Alor Setar, Kubang Pasu-Jitra, Jerlun, Ayer Hitam, Kuala Kedah, Pendang dan sebahagian kawasan Pokok Sena (Ibn Jawi, 2019).

Menurut Asmah Hj Omar (2008), dialek Melayu Sarawak merupakan sebuah dialek yang dituturkan oleh orang Melayu Sarawak antaranya yang tinggal di daerah-daerah Kuching, Kota Samarahan, Betong, Sri Aman, Limbang, Miri, Sarikei, dan Sibu (Salbia Hassan, 2016). Walaupun dialek Melayu Sarawak ini dituturkan secara meluas di beberapa daerah di Sarawak, dialek ini lebih dituturkan secara formal di ibu negeri Sarawak iaitu di Kuching. Ini adalah demikian kerana dialek tersebut merupakan alat komunikasi sehari-harian penduduk Kuching. Asmah Hj Omar (2008) menjelaskan mengenai andaian wujudnya variasi dalam dialek Melayu Sarawak yang dituturkan di Kuching yang terjadi disebabkan oleh perpecahan dari segi antara satu kawasan ke kawasan yang lain. Andaian yang pertama ialah kawasan yang menuturkan bahasa Melayu mempengaruhi kawasan yang menuturkan bahasa yang lain. Andaian yang kedua pula ialah dialek Melayu Sarawak mempunyai talian dari kawasan Kuching hingga ke bahagian Miri, namun kerana wujudnya bahasa-bahasa majoriti yang lain seperti bahasa Iban dan Bidayuh, maka pertalian tersebut terputus. Menurut Salbia Hassan (2016), dialek Melayu Sarawak yang dituturkan oleh orang Melayu di Bahagian Pertama iaitu dialek Melayu Kuching (DMK) berbeza dari segi sebutan, intonasi serta perbendaharaan kata jika dibandingkan dengan dialek Melayu di Bahagian Kedua (Sri Aman) dan Kesebelas (Betong), yang dikenali sebagai Dialek Melayu Saribas (DMSbs). DMSbs banyak dipengaruhi oleh bahasa Iban. Dialek Melayu ini juga berbeza dengan dialek 10 Melayu yang dituturkan di Miri (Bahagian Kelima) yang banyak dipengaruhi oleh Bahasa Kedayan manakala dialek Melayu Limbang dan Lawas dipengaruhi oleh bahasa Melayu Brunei (Salbia Hassan, 2016). Dialek-dialek ini mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri kerana ciri-ciri yang ada pada bahasa itu sendiri adalah milik masyarakat dan fenomena sosial tersebut dikatakan bersifat heterogen, yakni tidak seragam (Asmah Hj Omar, 1991: 37). Punca perbezaan ini mungkin disebabkan oleh faktor sejarah perkembangannya, penuturnya, pengaruh bahasa setempat atau disebabkan faktor politik dan geografi (Collins, 2000:2-

15). Menurut Asmah Hj Omar (2008), persamaan pada umumnya membayangkan warisan bersama, sedangkan perbezaan menggambarkan perkembangan yang berbeza-beza yang dilalui oleh dialek masing-masing. Perbezaan- perbezaan yang lebih nyata pada satu-satu bahasa khususnya dari segi perbendaharaan kata, tatabahasa dan sebutan juga boleh berpunca atas faktor peredaran masa yang panjang dan penyebaran daerah yang luas (Nik Safiah Karim, 1988). Dengan sedemikian, DMS memperlihatkan kelainan-kelainan berdasarkan kawasan; dan walaupun masyarakat Melayu bukan etnik majoriti di Sarawak, DMS memainkan peranan lingua franca yang sangat penting di dalam kalangan pelbagai komuniti berbilang etnik di Sarawak dan amat signifikan dalam urusan seharian yang berpusat di Kuching. DMS yang dituturkan di Kuching (Bahagian Pertama) dikatakan lebih standard berbanding dengan DMS yang dituturkan di bahagian-bahagian lain kerana dianggap sebagai wahana komunikasi di Kuching (Asmah Hj Omar, 2008b:157).

Konsep Kesalingfahaman

Konsep kesalingfahaman atau juga dikenali sebagai konsep kebolehfahaman merupakan suatu konteks atau situasi yang mana sesuatu dialek difahami antara dua atau lebih penutur dialek yang menuturkan dialek yang berbeza (Chamber & Trudgill, 1999). Konsep kesalingfahaman adalah berbeza-beza mengikut bahasa atau dialek kerana ianya bergantung kepada faktor-faktor penting seperti pengetahuan pendengar terhadap sesuatu bahasa, tahap pendidikan penutur serta rasa ingin tahu terhadap pertuturan orang yang menuturkan dialek atau bahasa yang berbeza. Penutur bahasa atau dialek biasanya percaya bahawa bahasa atau dialek bersifat saling faham antara satu sama (Chamber & Trudgill, 1999). Ini adalah penting bagi menunjukkan bahasa dialek merupakan variasi kepada bahasa yang bersifat lebih meluas dan besar.

Sebagai contoh, dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban mempunyai perkataan yang sama makna walaupun berbeza sedikit secara fonetik, misalnya perkataan “makan” dalam DMS dan “makai” dalam bahasa Iban, namun masih tetap boleh difahami oleh kedua-dua penutur bahasa-bahasa tersebut. Begitu juga dengan sistem ganti nama diri yang hampir sama untuk dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban (Norliza Amin, 2017). Ganti nama diri “aku” adalah sama dalam dialek Melayu Sarawak dan bahasa Iban dan saling difahami. Ganti nama diri “kau” dalam dialek Melayu Sarawak (“awak” atau “engkau” dalam Bahasa Melayu Standard) berbeza dengan bahasa Iban iaitu “nuan”. Namun, hubungan kedua-dua bahasa Austronesia ini yang berkaitan menjadikan terjadinya kesalingfahaman. Hubungan dengan bahasa-bahasa Austronesia yang lain seperti Tagalog dan Bahasa Indonesia ini juga memungkinkan fenomena kesalingfahaman ini berlaku.

Sebaliknya, ketidaksalingfahaman pula merujuk kepada konsep salah faham yang terjadi apabila penutur berlainan bahasa atau dialek berkomunikasi. Hal ini berlaku apabila terdapat perkataan yang membawa dua makna yang berlainan dalam setiap dialek. Sebagai contoh, dalam bahasa Melayu, terdapat pelbagai dialek mengikut daerah geografi. Perkataan “belon” dalam dialek Kedah merujuk kepada kantung yang dibuat daripada getah tipis serta diisi dengan gas manakala dalam dialek Melayu Sarawak pula perkataan “belon” turut merujuk kepada kapal terbang. Kelainan dan kepelbagaian makna ini yang menyebabkan ketidaksalingfahaman antara penutur berlainan dialek.

Metodologi Kajian

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang melihat dan menerangkan data kajian secara deskriptif. Pendekatan metodologi yang digunakan ialah analisis teks, khususnya dalam kajian ini teks yang digunakan ialah ujaran lisan yang diperolehi daripada perbualan tidak formal antara penutur DMS dan DK. Bagi memenuhi objektif kajian, data yang diperlukan dan dipilih ialah perkataan yang menimbulkan unsur kesalingfahaman dan ketidaksalingfahaman antara penutur. Bahagian berikut menerangkan kaedah yang telah digunakan bagi memperolehi data untuk kajian ini. Rekabentuk kajian ini melibatkan pemilihan informan, instrumen kajian, proses prosedur pengumpulan data dan juga prosedur penganalisisan data.

Pemilihan Informan

Pemilihan informan yang ideal, berdasarkan kriteria pemilihan informan oleh Asmah Hj Omar (2008) ialah informan yang berumur dalam lingkungan umur 40 hingga 60 tahun, yang mempunyai organ pertuturan dan kesihatan informan yang baik, mempunyai penguasaan bahasa yang baik dan merupakan penutur asli, mempunyai kelas sosial dan kedudukan dalam komuniti, serta berpengetahuan tentang budaya komuniti. Namun dalam kajian ini, pemilihan informan menepati kesemua syarat tersebut kecuali syarat umur. Oleh kerana objektif utama kajian ini ialah untuk meneliti perkataan yang mengandungi unsur kesalingfahaman dan ketidaksalingfahaman, khususnya dari segi semantik, pemilihan informan yang muda masih dapat menghasilkan data yang dikehendaki. Ingin ditekankan di sini yang objektif utama kajian ini ialah untuk meneliti perkataan yang difahami dan juga yang tidak difahami melalui analisis perbualan antara penutur berlainan dialek. Pengkaji tidak memberi fokus kepada keaslian bunyi atau sebutan sesuatu perkataan dalam dialek tersebut sebaliknya pengkaji hanya memberi fokus kepada aspek semantik perkataan tersebut yang boleh menimbulkan, terutamanya, ketidaksalingfahaman antara penutur.

Oleh yang demikian, proses temu bual dalam kajian ini telah dijalankan dalam kalangan pelajar universiti yang bersifat santai, dan informan yang dipilih terdiri daripada penutur asli DK dan DMS yang merupakan anak jati Kedah dan Sarawak. Informan DMS yang telah dipilih merupakan seorang pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang berumur 21 tahun. Informan tersebut merupakan penutur dialek Melayu Sarawak yang asli dan menetap di Kuching. Informan DK pula ialah salah seorang pengkaji yang juga seorang pelajar di universiti yang sama, berumur 22 tahun dan berasal dari Kulim, Kedah.

Instrumen

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini merupakan kamus atas talian dialek Melayu Sarawak. Oleh kerana kajian ini menggunakan kaedah temu bual, pengkaji tidak menggunakan sebarang instrumen seperti senarai korpus dan senarai Swadesh. Namun, pengkaji menggunakan instrumen seperti kamus atas talian dialek Melayu Sarawak (*Borneo Dictionary*) yang boleh didapati pada pautan <https://borneodictionary.com/melayu-sarawak/>. Tujuan utama pengkaji menggunakan kamus ini adalah sebagai rujukan bagi memastikan kesahihan data yang diperolehi. Setelah mendapat

kebenaran untuk merekod daripada informan, pengkaji telah merekod perbualan tersebut yang berdurasi selama empat puluh minit. Temu bual bersama informan telah direkod menggunakan alat perakam telefon bimbit.

Prosedur Pengumpulan Data


Proses prosedur pengumpulan data bagi kajian ini mengambil tempat di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Informan DMS yang terlibat dalam temu bual merupakan salah seorang pelajar di UNIMAS yang menetap di Kuching dan seorang penutur asli dialek Melayu Sarawak. Pengkaji meminta kebenaran untuk merakam perbualan daripada informan DMS. Setelah informan bersetuju untuk ditemu bual, pengkaji meneruskan perbualan berkaitan dengan topik- topik harian. Pengkaji yang juga berperanan sebagai informan DK berbual menggunakan dialek Kedah manakala informan yang ditemubual pula bertutur menggunakan dialek Melayu Sarawak. Meskipun terdapat kesukaran dalam proses tersebut akibat penggunaan dialek yang berbeza, perbualan tersebut tetap diteruskan bagi memenuhi kehendak kajian. Proses pengumpulan data kajian ini dapat dilihat dengan lebih jelas seperti berikut:

Rajah 1: Proses Pengumpulan Data



Prosedur Penganalisan Data

Data yang telah diperolehi dianalisis mengikut keperluan objektif kajian. Pertamanya pengkaji mendengar semula rakaman suara yang diperolehi dari temu bual. Rakaman temu bual telah mengambil masa selama empat puluh minit. Daripada keseluruhan rakaman temu bual hanya bahagian yang melibatkan data yang diperlukan untuk kajian ini yang ditranskripsikan. Data yang diperlukan hanya melibatkan perkataan yang mempunyai unsur kesalingfahaman dan ketidaksalingfahaman yang dipilih mengikut kriteria konteks atau keberadaan perkataan tersebut dalam konteks tertentu. Setelah ditranskripsi, data perbualan yang diperlukan telah menghasilkan sebanyak 292 patah perkataan. Seterusnya, pengkaji menyemak semula perkataan-perkataan tersebut menggunakan kamus atas talian dialek Melayu Sarawak bagi memastikan kesahihan data. Kemudiannya data kajian dipersembahkan dalam bentuk jadual bagi memudahkan penelitian pengkaji. Terdapat dua jadual iaitu jadual bagi data kesalingfahaman dan jadual bagi data ketidaksalingfahaman. Setelah itu pengkaji menghuraikan dan membincangkan data yang diperolehi secara terperinci berserta contoh yang terdapat dalam temu bual bersama informan. Proses penganalisan data kajian ini dapat dilihat dengan lebih jelas pada rajah berikut:

Rajah 2: Proses penganalisan data**Dapatan Kajian**

Bahagian ini menerangkan unsur kesalingfahaman dan ketidaksalingfahaman menggunakan data yang diperolehi pengkaji hasil daripada proses temubual bersama informan.

Unsur Kesalingfahaman

Bahagian ini menerangkan tentang dapatan kajian yang memenuhi objektif pertama iaitu unsur kesalingfahaman yang ditemui dalam dialek Melayu Sarawak dan dialek Kedah. Ciri kesalingfahaman merupakan asas yang penting dalam menentukan sama ada sesuatu variasi bahasa itu merupakan dialek yang tergolong dalam satu bahasa atau terdiri daripada bahasa tersendiri. Menurut Chambers dan Trudgill (1980), sesuatu bahasa itu terdiri daripada sekumpulan dialek yang bersalingfahaman antara satu sama lain. Hal ini kerana dialek-dialek yang tergolong dalam satu bahasa yang sama sememangnya mempunyai banyak ciri persamaan (Zaharani Ahmad, 2006). Ciri persamaan yang terdapat dalam dialek-dialek ini menunjukkan bahawa dialek tersebut merupakan hasil perkembangan daripada bahasa sumber yang sama. Oleh yang demikian, kajian ini akan meneliti ciri persamaan antara dialek Melayu Sarawak dan dialek Kedah yang membawa kepada kesalingfahaman antara penutur.

Unsur kesalingfahaman antara dialek Kedah dan dialek Melayu Sarawak dapat memudahkan perbualan bersama informan. Dalam kertas ini, sepuluh perkataan yang mempunyai unsur tersebut telah direkodkan dalam jadual seperti berikut:

Jadual 1: Unsur kesalingfahaman dalam dialek Melayu Sarawak dan dialek Kedah

Bil	Perkataan dalam Bahasa Melayu Standard (BMS)	Perkataan dalam DK (transkripsi fonetik)	Perkataan dalam DMS (transkripsi fonetik)	Makna
1	Rumah	[ru.māh]	[ru.māh]	Binaan untuk tempat tinggal

2	Sampah	[sam.pah]	[u.ras]	Benda yang dibuang dan tidak digunakan lagi
3	Kecil	[kə.tʃikʻ]	[kə.tʃikʻ]	Saiz yang tidak luas dan tidak besar
4	Besar	[bə.sar]	[bə.sar]	Saiz yang tidak sempit dan tidak kecil
5	Orang	[ɔ. yãŋ]	[u.rãŋ]	Manusia, insan
6	Keliling	[kə.li.liŋ]	[kə.li.lin]	Lingkungan di sekitar sesuatu tempat
7	Balik	[ba.likʻ]	[ba.lit]	Kembali pulang
8	Air	[a.jaʔ]	[a.jeʔ]	Sejenis cecair
9	Saya, aku	[a.ku]	[ka.məʔ]; [a.ku]	Saya, aku
10	Awak, Kau	[haŋ]	[ki.taʔ]; [kau]	Kamu. awak

Berdasarkan jadual 1, kebanyakkan perkataan yang mempunyai unsur kesalingfahaman antara dialek merupakan perkataan yang boleh didapati dalam bahasa Melayu Standard. Walaupun terdapat perbezaan fonetik di antara sesetengah perkataan dalam kedua-dua dialek atau pun kata yang berlainan seperti [sam.pah] dalam DK dan [u.ras] dalam DMS, masih wujud kesalingfahaman dalam perbualan kedua-dua informan dalam kajian ini. Menarik sekali apabila terdapat perkataan yang eksklusif dalam dialek yang turut mempunyai unsur kesalingfahaman. Sebagai contoh berdasarkan data dari perbualan di antara informan, perkataan yang merupakan kata ganti nama seperti “kitak” [ki.taʔ], “kamek” [ka.məʔ], dan “hang” [haŋ] turut mempunyai unsur kesalingfahaman. Hal ini mungkin disebabkan oleh pengalaman penutur secara individu. Penutur dialek Kedah memahami perkataan [ki.taʔ] dan [ka.məʔ] yang membawa maksud “awak” dan “saya” mungkin berdasarkan sepanjang pengalaman beliau menuntut di Sarawak. Sebagai contoh:

“Kamek sayang kitak”

[ka.məʔ sa.jaŋ ki.taʔ]

(Saya/ Aku sayang awak/ kau)

Ungkapan ini merupakan ungkapan yang mudah untuk difahami dan dituturkan oleh mana-mana bukan penutur asli DMS. Daripada contoh ini, jelas dapat dilihat perbezaan makna bagi perkataan [ka.məʔ] yang membawa makna “saya” atau “aku” dan perkataan [ki.taʔ] yang membawa makna “awak” atau “kau”. Tidak dinafikan juga perkataan [ki.taʔ] dan [ka.məʔ] turut mempunyai bunyi seakan-akan “kita” dan “kami” yang merupakan perkataan dalam bahasa Melayu Standard. Perkataan “kita” dan “kami” yang merupakan kata ganti nama diri akan memudahkan penutur lain untuk memahami perkataan [ki.taʔ] dan [ka.məʔ] yang turut dikategorikan sebagai kata ganti nama diri.

Kesimpulannya, terdapat beberapa perkataan yang mampu mewujudkan unsur kesalingfahaman antara penutur dialek Kedah dan dialek Melayu Sarawak. Meskipun perkataan tersebut mungkin

berbeza dari segi bunyi dan kata, penutur kedua dialek tersebut masih mampu memahami antara satu sama lain. Hal ini mungkin sahaja berlaku akibat daripada hubungan kedua dialek yang berpusatkan bahasa yang sama dan juga berdasarkan pengalaman individu sendiri dan pendedahan kepada unsur luaran (*external*) seperti media perdana dan media sosial.

Unsur Ketidaksalingfahaman

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian yang memenuhi objektif kajian yang kedua iaitu mengenalpasti unsur ketidaksalingfahaman yang terdapat dalam dialek Melayu Sarawak dan dialek Kedah. Di samping ciri-ciri persamaan yang terdapat dalam dialek, terdapat juga unsur yang membezakan antara dialek-dialek tersebut. Perbezaan ini menunjukkan sesuatu dialek itu telah mengalami perkembangan secara tersendiri yang membezakannya daripada dialek lain (ZaharaniAhmad, 2006). Oleh yang demikian, bahagian ini akan membincangkan cirri perbezaan yang membawa kepada ketidaksalingfahaman antara penutur dialek Melayu Sarawak dan dialek Kedah. Pengkaji telah menyenaraikan unsur ketidaksalingfahaman yang telah diperolehi daripada perbualan bersama informan dalam jadual berikut:

Jadual 2: Unsur ketidaksalingfahaman dalam dialek Melayu Sarawak dan dialek Kedah

Bil	Kata yang mengandungi unsur ketidaksaling-fahaman	Makna kata dalam BMS (PPRM)	Perkataan dalam DK (transkripsi fonetik)	Makna dalam DK	Perkataan dalam DMS (transkripsi fonetik)	Makna dalam DMS
1.	Gerek	Kayu untuk menebuk lubang	[ge.yek ^ʔ]	Basikal	[ge.reʔ]	Teman lelaki/ perempuan
2.	Udang	Sejenis hidupan laut	[u.dan]	Semua jenis udang	[un.dan]	Udang sederhana besar atau udang besar termasuk yang bersepit biru
3.	Tapak	Bidang kaki sebelah bawah/ kawasan	[ta.pak ^ʔ]	Tapak kaki/ kawasan	[ta.paʔ]	Pinggan/ kawasan/ tapak kaki
4.	Lawa	Cantik	[la.wa]	Cantik	[la.wa]	Sombong

5.	Kacak	Segak, tampan (lebih merujuk kepada lelaki); khusus untuk manusia	[ka.tʃakʰ]	Kacak untuk lelaki	[ka.tʃaʔ]	Cantik (“kacak” untuk perempuan dan lelaki; dan untuk benda)
6.	Padah	Akibat daripada sesuatu perkara	[pa.dah]	Akibat daripada sesuatu perkara	[pa.dah]	Memberitahu
7.	Tok	Bunyi seperti bunyi pukulan dua buluh	[tokʰ]	Gelaran kepada datuk/nenek	[toʔ]	Ini
8.	Sik	(Tidak disenaraikan/ditemui dalam PPRM)	[sikʰ]	Nama tempat di Kedah	[siʔ]	Tidak
9.	Lagu	Irama suara	[la.gu]	Seperti/ macam	[la.gu]	Lagu (irama)
10.	Kelaka(r)	Perbualan kosong	[kə.la.ka]	Kelakar/ lucu	[kə.la.ka]	Cakap

Berdasarkan Jadual 2, terdapat 10 perkataan yang mewujudkan ketidaksalingfahaman antara penutur dialek Melayu Sarawak dan dialek Kedah. Perkataan pertama iaitu “gerek” membawa dua makna yang berbeza dalam kedua dialek tersebut. Dalam dialek Kedah, “gerek” membawa makna basikal, manakala dalam dialek Melayu Sarawak, “gerek” membawa maksud kekasih. Perbezaan semantik pada kata “gerek” telah menimbulkan kekeliruan dalam perbualan bersama informan, dan telah menunjukkan wujudnya unsur ketidaksalingfahaman antara kedua- dua penutur.

Penutur dialek Kedah telah bertanya:

“Eh hang tau dak mana nak dapat gerak kat sini? Nak bawa petang-petang keliling tasik”.
[eh haŋ taw dakʰ ma.na nakʰ da.pat ge.yekʰ kat si.ni? nakʰ ba.wa pə.taŋ-pə.taŋ kə.li.liŋ ta.sikʰ]
(Eh, awak tahu tak mana nak dapatkan basikal dekat sini? Nak bawa petang-petang keliling tasik).

Penutur itu ingin mencari basikal untuk tujuan beriadah. Namun begitu, pertanyaan tersebut telah dibalas oleh penutur dialek Melayu Sarawak yang berkata:

“Rami jak sitok kitak cari gerak. Kelak kamek *introduce*...”.
[ra.mi ja? si.tok' ki.ta? tʃa.ri ge.reʔ. kə.lak' ka.meʔ m.trə'.dju:s]
(Ramai saja dekat sini nak cari teman lelaki. Nanti saya kenalkan...).

Penutur DMS tersebut memahami perkataan “gerak” [ge.reʔ] sebagai kekasih dan telah menawarkan untuk memperkenalkan penutur DK kepada seseorang. Perbezaan maksud perkataan “gerak” dapat dilihat dengan jelas kerana penggunaan perkataan “rami” (ramai) dan *introduce* (memperkenalkan) yang dikaitkan dengan manusia.

Seterusnya, perkataan seperti “udang” dan “tapak” turut menyebabkan salah faham antara penutur. Hal ini dapat dilihat apabila penutur dialek Kedah telah berkata:

“Sat nak makan udang ni”.
[sat nak' ma.kan u.daŋ ni]
(Sekejap, nak makan udang ini).

Penutur DK telah berkata merujuk kepada udang geragau yang terdapat dalam makanannya. Hal ini telah menimbulkan kekeliruan pada penutur DMS yang seterusnya membalas dengan berkata:

“Mun undang, besar tapak kitak. Nya kecil jak ya”.
[mun un.daŋ, bə.sar ta.paʔ ki.taʔ. ja kə.tʃik' dʒaʔ ja]
(Kalau udang, besar pinggan awak. Ni kecil sahaja).

Ungkapan ini menunjukkan bahawa dalam DMS, udang geragau tidak dipanggil “udang” sebaliknya dipanggil “bubok”. Perkataan “udang” dalam DMS merujuk kepada udang yang sederhana besar dan juga udang yang besar termasuk yang bersepit biru – “udang galah” – dan “udang rimo”. Udang yang bersaiz kecil yang sesuai dimasak dengan sayur dikenali sebagai “payak”. Di dalam konteks perbualan di antara 2 penutur DK dan DMS ini, penutur DMS menyamakan saiz udang dengan saiz “tapak” yang merujuk kepada pinggan. Namun begitu, perkataan “tapak” tersebut telah menimbulkan ketidaksalingfahaman kepada penutur DK yang telah membalas dengan berkata:

“Tapak kaki aku tak la kecil macam ni”.
[ta.pak' ka.ki a.ku tak' la kə.tʃik' ma.tʃam ni]
(Tapak kaki aku tidak lah kecil macam ni).

Penutur DK berkata sebegitu kerana beranggapan bahawa “tapak” merujuk kepada tapak kakinya. Oleh itu, penutur tersebut menafikan bahawa kakinya sebesar udang geragau tersebut.

Berikutnya, perkataan “lawa” dan “kacak” turut menimbulkan unsur ketidaksalingfahaman. Perkara ini jelas dapat dilihat apabila penutur DMS berkata:

“Eh nya bukan miyak first year ka? Yang kacak ya”.

[eh na bu.kan mi.ja? fə:stjɪə ka? jaŋ ka.tʃa? ja]
(Eh, itu bukan budak (pelajar) tahun satu ke? Yang cantik tu?).

Penutur DMS telah merujuk kepada pelajar perempuan tahun satu dengan perkataan “kacak” [ka.tʃa?] kerana dalam DMS “kacak” merujuk kepada cantik. Namun, hal ini turut menimbulkan kekeliruan kerana penutur DK telah membalas dengan berkata:

“Apa pulak kacak? Lawa lah...”.
[a.pa pu.lakʻ ka.tʃakʻ? la.wa lah]
(Apa pula kacak? Cantik lah...).

Hal ini kerana, perkataan “kacak” [ka.tʃakʻ] dalam dialek Kedah bermaksud tampan bagi orang lelaki, manakala “lawa” merujuk kepada cantik. Walaubagaimanapun, perkataan “lawa” yang digunakan oleh penutur DK telah menyebabkan ketidaksalingfahaman pada penutur DMS. Penutur DMS seterusnya berkata;

“Aish sik bait madah orang lawa...”.
[aɪʃ si? ba.it ma.dah o.ɣaŋ la.wa]
(Aish, tak baik cakap orang sombong...).

Kekeliruan terjadi kerana dalam DMS, perkataan “lawa” merujuk kepada perangai yang sombong. Disebabkan oleh itu, penutur DMS tidak bersetuju apabila penutur DK menggelar pelajar tersebut “lawa” kerana dalam DMS ianya membawa makna yang tidak baik.

Kemudiannya, perkataan “padah” dan “tok” juga boleh dikategorikan sebagai unsur ketidaksalingfahaman yang wujud antara dialek Melayu Sarawak dan dialek Kedah. Hal ini dapat dilihat apabila penutur DMS berkata:

“Kamek padah ngan ya kitak padah macam tok”.
[ka.me? pa.dah ŋan ja ki.ta? pa.dah ma.tʃam to?]
(Saya beritahu dengan dia awak cakap macam ini).

Penutur DMS bermaksud bahawa dia akan memberitahu pelajar tahun satu tersebut apa yang dikatakan oleh penutur DK. Hal ini kerana perkataan “padah” membawa maksud beritahu manakala “tok” bermaksud ini dalam DMS. Ungkapan tersebut sebaliknya telah menimbulkan salah faham pada penutur DK yang membalas dengan berkata:

“Padah apa pulak dah? Aku puji dia lawa bukan macam tok hang”.
[pa.dah a.pa pu.lakʻ dah? a.ku pu.ɟʒi di.ja la.wa bu.kan ma.tʃam tokʻ haŋ]
(Padah (akibat) apa pula? Aku puji dia cantik bukan macam nenek awak).

Dalam DK, perkataan “padah” bermaksud akibat daripada sesuatu perkara. Oleh itu, penutur DK bertanyakan pada penutur DMS tentang apa padah atau akibat yang akan diterimanya kerana dia telah memuji pelajar itu cantik. Perkataan “tok” [tokʻ] dalam DK pula merujuk kepada gelaran untuk

datuk atau nenek. Disebabkan itu, penutur DK bergurau dengan berkata bahawa pelajar itu cantik dan bukannya seperti orang tua yang merujuk kepada nenek penutur DMS.

Seterusnya, unsur ketidaksalingfahaman turut dapat diperolehi daripada perkataan “sik” dan “lagu”. Penutur DK berkata:

“Mahai lagu nak pi overseas. Nak balik Sik ja pun”.
(Mahal seperti hendak pergi luar negara. Nak balik Sik saja pun).

Penutur DK merujuk kepada harga tiket kapal terbang untuk pulang ke kampungnya yang mahal seperti hendak pergi ke luar negara. Perkataan “lagu” dalam dialek Kedah membawa makna seperti. Tambahan lagi, perkataan “Sik” dalam dialek Kedah pula merujuk kepada tempat atau daerah di Kedah. Penutur DK telah menyatakan rasa tidak puas hatinya terhadap harga tiket yang mahal apabila dia hendak pulang ke Sik. Namun hal ini menimbulkan salah faham terhadap penutur DMS yang seterusnya bertanya:

“Aik kitak sik balit *mid-sem* ka? Lagu apa pergi *overseas*?”
[aj? ki.ta? si? ba.lit mid-sem ka? la.gu a.pa pər.gi əʊvə'si:z?]
(Eh, awak tidak balik cuti pertengahan semester kah? Lagu apa pergi luar negara?)

Hal ini terjadi kerana dalam DMS, perkataan “sik” [si?] membawa makna tidak. Oleh itu penutur DMS bertanya sama ada penutur DK tidak pulang cuti kerana ungapannya “balik Sik” yang boleh menimbulkan ketidaksalingfahaman. Kemudiannya, penutur DMS juga mempersoalkan tentang “lagu” kerana dalam DMS, perkataan “lagu” membawa makna lagu seperti dalam bahasa Melayu Standard. Oleh itu, ungkapan “lagu nak pi *overseas*” membawa kekeliruan kepada penutur DMS.

Akhir sekali, unsur ketidaksalingfahaman turut dapat dilihat pada penggunaan kata “kelaka”. Hal ini jelas dapat dilihat apabila penutur DMS berkata:

“Kelaka pelik-pelik saja kitak tok”.
[kə.la.ka pə.lik'-pə.lik' sa.dʒa to?]
(Cakap pelik-pelik saja awak ni).

Perkataan “kelaka” dalam DMS merujuk kepada cakap. Namun perkara ini menimbulkan kesalahfahaman antara penutur apabila penutur DK memberi respon begini:

“Aku memang kelaka pun”.
[a.ku me.maŋ kə.la.ka pun]
(Aku memang kelakar pun).

Penutur DK menyatakan dirinya seorang yang bersifat kelakar. Perkataan “kelaka” dalam dialek Kedah merujuk kepada kelakar yang diertikan sebagai lucu. Maksud yang cuba disampaikan oleh penutur DMS telah disalah ertikan oleh penutur DK. Kesimpulannya, dapat kita lihat bahawa terdapat

beberapa perkataan yang mampu mewujudkan ketidaksalingfahaman antara penutur dialek Kedah dan dialek Melayu Sarawak.

Rumusan

Setiap negeri di Malaysia mempunyai kepelbagaian dialek yang tersendiri, misalnya rakyat negeri Kelantan menuturkan dialek Kelantan, manakala rakyat negeri Kedah menuturkan dialek Kedah. Setiap dialek ini pula mempunyai variasi tertentu. Walaupun rakyat negara ini merupakan serumpun dan menuturkan bahasa utama yang sama, namun faktor geografi, faktor politik dan faktor sosial merupakan punca kepada variasi ini. Misalnya, di Semenanjung Malaysia, keadaan yang berbukit bukau dan hutan rimba menyukarkan komunikasi masyarakat pada waktu dahulu. Kesukaran komunikasi merupakan penyebab kepada kewujudan kepelbagaian dialek. Faktor politik juga merupakan penyebab kepada kewujudan dialek-dialek di Malaysia. Perpecahan akibat kepemimpinan telah membahagikan negeri-negeri di negara ini kepada unit yang lebih kecil. Daripada nama-nama unit-unit kecil tersebut maka terhasilnya negeri-negeri yang tersendiri dan menuturkan dialek mengikut pecahan negeri masing-masing. Faktor sosial seperti umur, jantina dan status ekonomi juga telah didapati mewujudkan kepelbagaian dalam sesuatu bahasa ataupun dialek. Walaubagaimanapun, kajian ini terhad kepada perbezaan yang didorong faktor geografi sahaja.

Oleh hal yang demikian, wujudlah unsur kesalingfahaman dan ketidaksalingfahaman yang terdapat antara penutur-penutur dialek di Malaysia kerana dialek merupakan variasi bahasa sumber yang sama. Meskipun terdapat masalah kesalingfahaman daripada perkataan yang sama bunyi tetapi berlainan maksud, namun perbezaan antara dialek tersebut tidak sebesar perbezaan antara dua bahasa jikalau bahasa-bahasa tersebut tiada kaitan di antara satu sama lain. Penutur antara dialek yang berbeza masih lagi boleh berkomunikasi antara satu sama lain dengan berkesan. Tambahan pula, terdapat penutur yang mampu memahami dialek lain secara menyeluruh akibat daripada pendedahan terhadap dialek lain melalui pengaruh media, perkahwinan campur, tahap pendidikan mahupun pergaulan bersama penutur dialek lain.

Rujukan

- Abdul Hamid Mahmood. (1993). Ciri-Ciri dialek Kelantan yang mempengaruhi bahasa Melayu baku. *Simposium Dialek: Penyelidikan dan Pendidikan, 81-103*.
- Asmah Haji Omar. (2008a). Kaedah penyelidikan bahasa di lapangan. Kuala Lumpur: *Dewan Bahasa dan Pustaka. International Conference on Language Documentation and Conservation*.
- Asmah Haji Omar. (2008b). *Susur galur bahasa Melayu (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. (1991). *Aspek bahasa dan kajiannya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Borneo dictionary. (Amalyn Ayok & J. Graham, Ed.). Sumber dari: <https://borneodictionary.com/melayu-sarawak/>.

- Chambers, J. K., & Trudgill, P. (1980). *Dialectology*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Chambers, J. K. & Trudgill, P. (1999). *Dialektologi*. (Annuar Ayub, pentj). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Collins, J. T. (2000). Kepelbagaian dialek Melayu Sarawak: Tinjauan di Sungai Saribas dan di Sungai Rejang. *Jurnal Dewan Bahasa*, 44 (1), 2-17.
- Farid M. Onn & Ajid Che Kob. (1993). *Simposium dialek: Penyelidikan dan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halliday, M. A. K. (1968). Notes on transitivity and theme in English Part 3. *Journal of linguistics*, 4(2), 179-215.
- Ibn Jawi. (2019, April 2). Perbezaan loghat Kedah mengikut kawasan. The Patriots. Sumber dari: <https://www.thepatriots.asia/perbezaan-loghat-kedah-mengikut-kawasan/>.
- Nik Safiah Karim. (1988). *Sosiolinguistik bahasa Melayu dalam pengajaran*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Norliza Amin. (2017). Penggunaan ganti nama diri dalam bahasa Iban. *Journal of Modern Languages*, 18(1), 191-204.
- Salbia Hassan. (2015). Kajian fonologi dialek Melayu Kabong. *Jurnal Bahasa*, 15(1), 78-112.
- Zaharani Ahmad. (2006). Kepelbagaian dialek dalam bahasa Melayu: Analisis tatatingkat kekangan. *Jurnal eBangi*, 1(1), 1-26.